



IBU PEJABAT JPS MALAYSIA



SURAT PEKELILING JPS Bil. 8/2011

TATACARA PEROLEHAN KERJA *REQUISITION*

1.0 TUJUAN

Surat pekeliling ini bertujuan menyelaraskan tatacara perolehan kerja *requisition* yang telah dikuatkuasakan melalui SP JPS Bil 4/2010 bertarikh 7 Mei 2010 agar selari dengan kehendak Arahan Perbendaharaan (AP) dimana bagi kerja yang bernilai tidak melebihi RM20,000.00 boleh dilaksanakan secara lantikan terus manakala bagi kerja bernilai melebihi RM20,000.00 sehingga RM100,000.00 hendaklah dilaksanakan secara undian.

2.0 LATAR BELAKANG

Bagi kerja yang bernilai tidak melebihi RM20,000.00, AP 180.1(b) membenarkan lantikan dibuat secara terus di kalangan kontraktor Kelas F yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) di bawah kepala dan sub kepala yang berkaitan dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dalam gred dan kategori yang berkaitan. Walau bagaimanapun melalui SP JPS Bil 4/2010, pihak Pengurusan Atasan Jabatan telah mengeluarkan arahan supaya semua kerja *requisition* termasuk bagi kerja-kerja yang bernilai di bawah RM20,000.00 dilaksanakan secara undian.

Arahan ini dikeluarkan bertujuan untuk memastikan pembahagian kerja kepada kontraktor kecil agar lebih adil dan saksama. Walaubagaimanapun, timbul masalah untuk melaksanakan arahan ini terutama sekali bagi kerja-kerja kecil yang perlu dilaksanakan dengan segera seperti pemotongan dahan pokok, pemotongan rumput di sekitar pejabat dan sebagainya. Kerja-kerja ini adalah terlalu kecil nilainya dan tidak praktikal untuk dibuat secara Undi.

Oleh yang demikian, Pengurusan Atasan Jabatan telah bersetuju untuk menarik balik arahan melaksanakan perolehan kerja secara Undi bagi kerja-kerja yang bernilai di bawah RM20,000.00 selaras dengan peruntukan dalam Fasal 180.1(b) Arahan Perbendaharaan.

3.0 KERJA KERJA YANG BERNILAI TIDAK MELEBIHI RM20,000.00

3.1 Dengan berkuatkuasanya Pekeliling ini, kerja yang bernilai tidak melebihi RM20,000.00 boleh dibuat secara lantikan terus selaras dengan Fasal 180.1 (b) Arahan Perbendaharaan .

3.2 Tatacara Perolehan Kerja Secara Undi adalah seperti di [Lampiran A](#).

4.0 KUATKUASA DAN PEMBATALAN

4.1 Surat Pekeliling ini berkuatkuasa serta merta dan membatalkan SP JPS Bil 4/2010.

Sekian. Terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“CINTAILAH SUNGAI KITA”



(DATO' IR HJ AHMAD HUSAINI BIN SULAIMAN)
Ketua Pengarah,
Jabatan Pengairan dan Saliran
Malaysia.

11 Ogos 2011

TATACARA PEROLEHAN KERJA SECARA UNDI

Bahagian A – Tatacara Sebelum Hari Pengundian

1. Sebelum melaksanakan perolehan kerja secara undi, kelulusan daripada Pemegang Waran ataupun pejabat yang memegang peruntukan adalah diperlukan.
2. Setelah kelulusan diperolehi, skop kerja-kerja undi perlu ditetapkan bersama-sama dengan kos kerja-kerja tersebut berdasarkan kepada Jadual Kadar Harga (sekiranya ada) atau berdasarkan kepada harga pasaran semasa.
3. Notis kerja-kerja undi bagi menjemput Kontraktor Kelas F tempatan untuk memasuki undi hendaklah ditampal pada papan kenyataan pejabat yang memanggil kerja undi selewat-lewatnya 5 hari sebelum hari pengundian dijalankan. Maksud Kontraktor Kelas F tempatan adalah kontraktor yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor di daerah berkenaan dan turut berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB). Kepala dan Sub-kepala pendaftaran yang diperlukan untuk melaksanakan kerja-kerja undi ini juga hendaklah dinyatakan dengan jelas dalam notis tersebut.
4. Pastikan harga yang ditetapkan bagi setiap kerja undi dipaparkan dalam notis jemputan kerja-kerja undi.
5. Pejabat yang memanggil kerja undian perlu membuat persediaan yang berikut sebelum hari pengundian dilangsungkan:
 - i) Menyediakan buku rekod untuk rujukan pejabat dan borang pendaftaran untuk menyertai undi.
 - ii) Menyediakan bola ping-pong yang bernombor dan bilangan bola ping-pong yang diperlukan adalah berdasarkan kepada bilangan kontraktor yang ingin menyertai undi.
 - iii) Menyediakan peti undi lutsinar yang kosong dan akan dipamerkan kepada semua kontraktor yang hadir.

Bahagian B – Tatacara Semasa Hari Pengundian

1. Pada hari undian, proses pendaftaran kontraktor akan bermula pada pukul 9.00pagi sehingga 10.00pagi. Kontraktor hendaklah menunjukkan Sijil asal PKK dan CIDB yang masih sah laku. Hanya kontraktor yang berdaftar di bawah Kepala dan Sub-kepala yang berkaitan sahaja dibenarkan untuk mengisi borang pendaftaran memasuki kerja undi dan direkodkan ke dalam buku rekod pejabat yang memanggil kerja undi. Kontraktor yang tiba selepas waktu yang ditetapkan tidak dibenarkan mendaftar. Contoh format borang pendaftaran adalah seperti di [Lampiran I](#).
2. Hanya pegawai syarikat yang ditauliahkan seperti dalam sijil pendaftaran PKK sahaja yang dibenarkan untuk mengambil bahagian di dalam undian pada hari berkenaan sebagai wakil sah kontraktor.
3. Pendaftaran kontraktor adalah mengikut kaedah siapa dahulu didahulukan. Sebagai contoh, Kontraktor pertama yang mula-mula berdaftar akan diberi tag nombor yang pertama. Kontraktor kedua akan diberi tag nombor kedua dan seterusnya hingga tamat masa pendaftaran seperti yang ditetapkan dalam notis. Nombor-nombor tersebut akan dilabelkan pada bola ping-pong yang disediakan.
4. Semua wakil sah kontraktor yang mendaftarkan diri ini hendaklah diberikan tag bernombor mengikut nombor pendaftaran dan dikehendaki memakai tag ini sepanjang proses pengundian dijalankan. Tag ini hendaklah diserahkan kepada pegawai yang mengendalikan proses pengundian sekiranya nombor kontraktor tersebut dicabut. Kontraktor yang tidak berjaya perlu memulangkan tag tersebut setelah semua urusan pengundian selesai.
5. Bola ping-pong yang telah dilabel mengikut nombor pendaftaran kontraktor yang hadir hendaklah disusun dan akan disemak oleh 2 orang saksi yang dilantik dari kalangan kontraktor yang hadir. Saksi ini juga akan memeriksa keadaan peti undi kosong yang akan digunakan.

6. Setelah diakui betul, pegawai yang mengendalikan proses pengundian akan memasukkan bola ping-pong ke dalam peti undi yang telah disahkan kosong oleh saksi.
7. Proses undian hendaklah dibuat di hadapan semua kontraktor yang hadir mengikut turutan kerja yang telah dinyatakan dalam Notis kerja-kerja undi.
8. Cabutan bola ping-pong akan dibuat oleh pegawai JPS yang dilantik tanpa melihat ke dalam peti undi. Nama kontraktor yang nombornya dicabut bagi kerja undi yang pertama akan direkodkan. Proses undi diteruskan dan berulang sehingga semua kerja undi selesai dibuat cabutan.

Bahagian C – Tatacara Selepas Pengundian

1. Inden kerja hendaklah dikeluarkan pada hari pengundian kepada kontraktor-kontraktor yang berjaya. Inden kerja adalah seperti di Lampiran A6 – J.K.R. 58-Pin. 3/2008, Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5/2009.
2. Kontraktor yang berjaya mesti memulakan kerja dalam tempoh 2 minggu dari tarikh inden kerja dan menyiapkan kerja tersebut dalam tempoh yang dinyatakan dalam inden. Sekiranya kontraktor gagal memulakan kerja atau gagal menyiapkan kerja dalam tempoh tersebut, pegawai Inden boleh membatalkan inden tersebut dan tindakan menyenaraihitamkan kontraktor tersebut daripada memasuki kerja-kerja undi berikut boleh dibuat.
3. Kontraktor yang berjaya mendapatkan kerja secara undi ini juga hanya akan dibenarkan memasuki kerja undi yang lain setelah memenuhi syarat-syarat berikut:-
 - i) Kerja yang diawad telah disiapkan dengan memuaskan dalam tempoh yang ditetapkan.
 - ii) Tidak menyertai proses pengundian di pejabat yang sama sekurang-kurangnya sekali selepas menyiapkan projek undi terdahulu.
 - iii) Proses undi dijalankan dalam tahun yang baru.
4. Carta aliran bagi prosedur perolehan kerja-kerja secara undi ini adalah seperti di [Lampiran II](#).

JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN MALAYSIA

**BORANG PENDAFTARAN KERJA-KERJA UNDI
BILANGAN __ TAHUN _____ BERTARIKH _____**

NAMA SYARIKAT : _____

ALAMAT: _____

NO TELEFON: _____

NO. FAX: _____

EMAIL: _____

NAMA PEGAWAI DITAUJIAHKAN: _____
YANG HADIR

NO. KAD PENGENALAN: _____

PENDAFTARAN KONTRAKTOR:

I) Pusat Khidmat Kontraktor

- i) No. Pendaftaran : _____
- ii) Kepala : _____
- iii) Sub-kepala : _____
- iv) Tarikh Tamat : _____

II) Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia

- i) No. Pendaftaran : _____
- ii) Tarikh Tamat : _____

CARTA ALIRAN BAGI PEROLEHAN KERJA-KERJA UNDI

